

UMCares bantu 60 sekolah kongsi teknik pembelajaran, teknologi

Archival News | Berita Harian | 09/04/2022 | A-All

Kuala Lumpur: Program Geran Kelab Sahabat yang dilaksanakan Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares) berjaya membantu 60 sekolah di sekitar Lembah Klang membabitkan perkongsian teknik pembelajaran efisien, idea dan teknologi antara UM dan sekolah.

Pengarah UMCares, Prof Madya Dr Amer Siddiq Amer Nordin, berkata geran yang diperkenalkan sejak 2016 itu sudah membelanjakan lebih RM300,000 bagi melaksanakan 30 projek sehingga kini.

Beliau berkata, projek menerusi kerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bangsar Pudu dan Petaling Utama itu antara lain bertujuan membantu pelajar sekolah di bawah daerah berkenaan.

“Antara projek yang dilaksanakan dan memberi impak ketara adalah melalui permainan walking football bagi membantu pelajar yang mengalami masalah obesiti untuk mengurangkan berat badan mereka.

“Selain itu, kita turut melaksanakan projek ekoterapi kepada kanak-kanak pendidikan khas dengan menerapkan pembelajaran dan bermain berasaskan alam semula jadi,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pada masa sama UMCares turut mengalukan kerjasama daripada syarikat swasta untuk bersama mengembangkan lagi program Geran Kelab Sahabat itu.

Terdahulu, UMCares menyampaikan sumbangan buku latihan secara pandu lalu kepada 13 sekolah di sekitar Bangsar terjejas akibat banjir kilat bulan lalu.

Sebanyak 2,000 buku diedarkan dan dijangka akan memberi manfaat kepada 160 pelajar, khususnya golongan B40.

Sekolah terjejas yang menerima bantuan buku itu adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Suria; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Saraswathy; SK Bandar Baru Seri Petaling 1, SK Petaling 1; SK Petaling 2; SK Seri Mega dan SK Seri Setia.

Selain itu, Sekolah Menengah Sains Selangor; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya; SMK Petaling; SMK Seri Sentosa; SMK Taman Yari dan Victoria Institution.

(END)

Source By: Berita Harian